

Laporan polis bukti rakyat ambil berat situasi negara

KUALA LUMPUR 20 Sept. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, tindakan orang ramai membuat laporan polis terhadap tindak tanduk pembangkang yang menyalahi undang-undang negara akhir-akhir ini membuktikan kesedaran dan sikap ambil berat mereka terhadap situasi semasa negara.

Tegas Perdana Menteri, jika rakyat tidak mengambil berat terhadap perbuatan pembangkang termasuk melemparkan fitnah terhadap pemimpin kerajaan, sudah tentu mereka tidak berbuat demikian.

“Bila orang tahu boleh buat laporan polis, dia buatlah. Mungkin (mereka) mula sedar, kalau tidak dia nak ambil berat buat apa,” katanya kepada pemberita selepas membentangkan Bajet 2003 di Parlimen hari ini.

Dr. Mahathir ditanya sama ada tindakan orang ramai membuat laporan polis terhadap tindakan beberapa pemimpin pembangkang yang melanggar undang-undang negara sebagai suatu trend baru yang berlaku ketika ini.

Sebelum ini, bekas Ahli Parlimen Pas Bachok, Bunyamin Yaacob disiasat polis hasil laporan orang ramai apabila dia melemparkan fitnah bahawa Dr. Mahathir bersama cucunya menonton video lucah.

Buniamin kini sedang menghadapi pendakwaan di Mahkamah Sesyen Kota Bharu, Kelantan.

Selepas Bunyamin, Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat turut disiasat di bawah Akta 298A Kanun Keseksanan apabila mendakwa Tuhan sebagai samseng.

Terbaru, lima laporan po-

lis dibuat terhadap Ketua Pembangkang, Datuk Seri Abdul Hadi Awang kerana mendakwa memperoleh maklumat daripada pegawai kerajaan bagi membantu pakatan pembangkang merangka belanjawan alternatif 2003.

Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata, beliau akan mendapatkan maklumat sebelum mengesahkan kebenaran bahawa 21 anggota militan yang ditangkap oleh pihak berkuasa Singapura baru-baru ini bermatlamat menggulingkan kerajaan.

“Saya tak tahulah sama ada benar atau tak benar, saya nak tahu dulu sebelum saya komen. (Dalam hal ini) kita boleh tanya (pihak berkuasa Singapura), tak payahlah hantar pegawai (penyiasat) ke republik tersebut,” katanya.